

TARIKH	26 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	11	RUANGAN	setempat

2 juta wukuf di Arafah

28,000 jemaah haji Malaysia lakukan kemuncak penyempurnaan ibadah haji



Lambaian Kaabah

MAKKAH: Kumpulan 28,000 jemaah haji Malaysia menyertai dua juta jemaah seluruh dunia semalam untuk berwukuf di Padang Arafah iaitu kemuncak penyempurnaan ibadah haji mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom membacakan khutbah sebelum masuk waktu Zohor pada 12.05 tengah hari (5.05 petang waktu Malaysia) dan mengimamkan solat Zohor di khemah jemaah haji Malaysia.

Semasa di Padang Arafah, jemaah haji akan mengisi


waktu dengan berzikir, membaca al-Quran atau melakukan solat sunat.

Wukuf yang jatuh pada 9 Zulhijjah bermula dari gelincir matahari (masuk waktu Zuhur/waktu di Arab Saudi) pada 9 Zulhijjah (25 Oktober) sehingga seketika sebelum terbit Iajar (masuk waktu Subuh/waktu Arab Saudi) 10 Zulhijjah (26 Oktober).

Sementara itu, kawasan lapang di Arafah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk negara yang menghantar jemaah dan antara perkhemahan terbesar adalah milik Turki, Iran, Indonesia, Pakistan dan Mesir.

Selepas ini, jemaah bergerak meninggalkan Arafah bagi ke Muzdalifah, melontar tiga jamrah di Mina, tawaf dan saei.

Jemaah melontar jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.
- Bernama



LAKSANA RUKUN...jemaah haji tiba di Arafah untuk berwukuf.